

SPRM dapatkan maklum balas DBKL kes RM4 juta

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mendapatkan maklum balas daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada Jumaat, berhubung dakwaan salah laku seorang ahli lembaga penasihatnya berkaitan pemberian projek bernilai RM4 juta.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, siasatan dalaman berhubung perkara tersebut sedang dilakukan DBKL.

"Kita tunggu dan lihat apa hasil siasatan yang dijalankan.

"Esok (Jumaat) pegawai saya akan hubungi Unit Integriti DBKL. Jika wujud elemen jenayah iaitu salah guna kuasa dan rasuah kita akan jalankan siasatan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Tambah Ahmad Khusairi, buat masa ini SPRM memberi masa kepada DBKL

untuk jalankan siasatan dalaman.

Pada Rabu, *Sinar Harian* melaporkan kenyataan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki bahawa SPRM bersedia menyiasat sekiranya dapatan siasatan dalaman DBKL menunjukkan ada unsur-unsur rasuah dan salah guna kuasa.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif dilaporkan berkata, pihaknya sedang bekerjasama dengan unit integriti DBKL berkaitan perolehan projek kerja penerbitan bahan kreatif bernilai RM4 juta yang didakwa tidak diberikan melalui tender terbuka.

Dimaklumkan, DBKL juga masih mengumpul maklumat dan bukti berhubung perkara itu sebelum memutuskan tindakan seterusnya termasuk membuat laporan kepada SPRM.

Turut tular di media sosial individu tersebut juga didakwa memegang jawatan dalam syarikat terbabit.